

15/09/1998

Keunikan seni asing mempesona

Akmal Abdullah

BUKAN sekadar aksi kumpulan Superqueen dari Afrika Selatan dengan tarian tradisionalnya yang mempesona, gelagat kumpulan Bhangra dari India juga menunjukkan nilai kesenian memang tidak mengenal batas sempadan.

Menerusi melodi dan tempo gabungan pelbagai alat muzik, moden dan tradisional, melambangkan penyatuan negara Komanwel yang turut bersatu atas nama seni muzik yang harmoni.

Paling menarik, nilai budaya dan akar umbi seni setiap negara diterjemahkan secara profesional dan ada ketikanya kelihatan agak lucu bagi penonton yang kali pertama menyaksikan persembahan seumpamanya.

Tidak hairanlah jika lebih 55,000 penonton termasuk orang kenamaan dan pelancong asing yang hadir pada perasmian Festival Dataran Merdeka, malam kelmarin, sanggup berdiri hingga tamat persembahan.

Persembahan yang turut membabitkan dua artis Malaysia, Fauziah Latiff dan Roy serta diiringi penari kebudayaan juga mengangkat estetika kesenian dan kebudayaan negara yang masih kukuh dengan ketinggian akal budinya ibarat kata pepatah 'tak lekang dek panas, tak lapuk dek hujan'.

Persembahan satu setengah jam di Dataran Merdeka itu ternyata turut menarik perhatian Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Turut hadir ialah Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Sabbaruddin Chik; Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan beberapa duta asing.

Penampilan kumpulan Steelband dari Trinidad menerusi pukulan gendang keluli disertakan tarian klasik negara itu seperti mengajak khalayak menghayati iramanya yang mampu mengundang kedamaian terutama bagi lagu My Heart Will Go On dan My Way.

Cukup membanggakan apabila tepukan mengiringi tarian di akhir persembahan, secara spontan artis Trinidad menyebut: "Malaysia boleh!" Tatkala itulah warga kota kelihatan tersenyum penuh bermakna.

Majlis dikemudikan personaliti TV3, Normala Samsudin dan Suhaimi Sulaiman itu turut mengundang seketika pemenang pingat pertama negara dalam Kuala Lumpur '98, pelumba basikal Nor Effandy Rosly.

Percikan bunga api yang bertubi-tubi sebagai tanda perasmian festival itu diikuti irama muzik yang versatile sesuai dengan tema persembahan, "Bersamalah Menghayati Warisan Budaya Kita". Dari situlah jelas terbukti kesenian dan kebudayaan boleh bergerak seiringan atas semangat Komanwel.

Kehadiran Fauziah menarik perhatian peminatnya kerana itulah pertama kali dia menyampaikan lagu di depan khalayak selepas melahirkan anak sulungnya, baru-baru ini. Dia mendendangkan lagu ciptaan P Ramlee, Manusia dan lagu tradisional, Siti Payung.

(END)